



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN (JKPK) BIL. 1/2025

Putrajaya, 22 Mei 2025 – YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dan Kebudayaan (JKPK) Bil. 1/2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Selaras dengan aspirasi teras strategik Malaysia MADANI, khususnya dalam usaha Membina Semula Ekonomi, mesyuarat ini menandakan komitmen kukuh Kerajaan untuk merencanakan pembangunan sektor pelancongan dan kebudayaan negara secara inklusif, mampan dan menyeluruh.

Mesyuarat ini turut disertai oleh wakil-wakil kanan daripada pelbagai kementerian dan agensi utama negara, termasuk Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam ucapannya, YAB Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa sektor pelancongan merupakan antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara – bukan sahaja melalui sumbangan signifikan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), malah juga dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta memperkukuh kedudukan fiskal negara dalam imbalan akaun semasa. Beliau turut menggesa agar semua kementerian dan agensi bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), selaku agensi peneraju sektor ini, bagi menjadikan pelancongan sebagai agenda nasional yang dipacu secara kolektif. Selain itu, YAB Timbalan Perdana Menteri menyarankan agar semua pihak, terutamanya petugas di barisan hadapan seperti pegawai-pegawai petugas di pintu masuk negara, sentiasa bersikap mesra dan memberikan layanan terbaik kepada pelawat.

Antara fokus utama mesyuarat ialah pelaksanaan Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) yang diketuai oleh Tourism Malaysia, serta inisiatif Greening Protocol yang diterajui oleh DBKL dan Kerajaan Negeri Selangor. Pendekatan bersepadu ini menggambarkan kesungguhan Kerajaan dalam menyatukan dasar, perancangan dan tindakan merentas kementerian dan agensi untuk membina ekosistem pelancongan yang lebih dinamik dan mampan.

Bagi menjayakan VM2026, beberapa strategi utama telah dirancang untuk meningkatkan ketibaan pelawat antarabangsa serta menambah hasil pendapatan negara daripada sektor pelancongan. Antaranya termasuklah:

- Pemerkasaan jenama *Malaysia Truly Asia* (MTA) dan Cuti-Cuti Malaysia (CCM);
- Pelaksanaan kempen promosi bersama (*joint promotion*) dengan rakan strategik termasuk syarikat penerbangan dan pengendali pelancongan;

- Pendekatan segmentasi pasaran yang lebih menyeluruh untuk mencapai kumpulan pelawat berpotensi tinggi dari seluruh dunia.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa sebanyak 103 laluan penerbangan baharu ke Malaysia telah diluluskan, melibatkan negara-negara seperti China, Indonesia, India, Kazakhstan, UAE, Uzbekistan dan United Kingdom – suatu petanda positif terhadap keyakinan pasaran global terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Sebagai tarikan utama kepada VM2026, tujuh (7) program ikonik akan dilaksanakan:

- i. *Malaysia Mega Sale*
- ii. *Festival Budaya Malaysia*
- iii. *Global Meet*
- iv. *World Tourism Day & World Tourism Conference*
- v. *Pelancaran Rasmi Kempen VM2026*
- vi. *VM2026 Year-End Sale*
- vii. *Ambang Sambutan VM2026*

Dalam menyokong agenda pelancongan mampan, inisiatif *Greening Protocol* yang diterajui oleh DBKL dan Kerajaan Negeri Selangor merangkumi penggunaan teknologi rendah karbon, mobiliti hijau serta pemerkasaan ruang hijau dan awam di kawasan bandar utama Kuala Lumpur dan Selangor turut dipersetujui untuk dilaksanakan. Usaha ini memperkukuh lagi prinsip kelestarian di bawah kerangka Malaysia MADANI, serta mempertingkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan lestari bertaraf dunia.

Kesimpulannya, YAB Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa kejayaan pembangunan industri pelancongan negara amat bergantung kepada sinergi berterusan antara semua pihak melalui pendekatan "*whole-of-government*" yang bersifat inklusif dan menyeluruh. Mesyuarat JKPK Bil. 1/2025

bukan sekadar platform penyelarasan dasar, malah simbol komitmen kolektif Kerajaan dalam mengangkat sektor pelancongan dan kebudayaan sebagai nadi kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

